



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KARNIVAL BUKU DAN SEMARAK JAWI 2026 PERKASA BUDAYA MEMBACA, WARISAN DAN PERPADUAN

KUALA TERENGGANU, 26 Julai – Seramai 50,000 orang pengunjung dijangka hadir untuk memeriahkan **Karnival Buku dan Semarak Jawi 2026 bermula 25 Julai hingga 1 Ogos 2026** di **Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu**. Majlis perasmian karnival ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, hari ini.

Program anjuran Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) ini merupakan **satu platform komuniti yang menghimpunkan ilmu, budaya, seni, warisan, pendidikan dan khidmat masyarakat dalam satu ruang yang terbuka, santai dan inklusif**. Selain itu, karnival ini turut menyediakan ruang kepada masyarakat untuk mendapatkan bahan bacaan berkualiti, menambah koleksi bacaan serta memupuk budaya membaca dalam kalangan anak-anak, keluarga dan komuniti setempat.

Karnival Semarak Jawi 2026 turut menjadi pengisian utama karnival ini yang bukan sahaja menjadi platform untuk menyemarakkan kecintaan terhadap ilmu, malah turut berperanan mengangkat martabat tulisan Jawi sebagai warisan bangsa dan khazanah tamadun yang amat bernilai. Penganjuran di Terengganu pada tahun ini merupakan edisi kali ke-11, sekali gus **membuktikan komitmen berterusan PNM dalam memastikan tulisan Jawi terus dipelihara, dipelajari, dimasyarakatkan dan disesuaikan dengan pendekatan pendidikan semasa**.

UNTUK SIARAN NEGARA

Penganjuran program ini dijangka memberi impak positif melalui **peningkatan minat membaca, pengukuhan literasi budaya, pemeliharaan warisan kebangsaan serta pengukuhan jaringan kerjasama antara agensi kerajaan, industri perbukuan dan komuniti**. Di samping menyokong pembangunan modal insan berilmu, program ini turut merencanakan industri buku tempatan dan memperkukuh perpaduan masyarakat menerusi penyertaan aktif dalam aktiviti berteraskan ilmu, budaya dan warisan.

Program ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Perpaduan Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia dalam memperkasa budaya membaca sebagai asas pembinaan masyarakat berpengetahuan, inklusif dan bersatu padu selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Kementerian Perpaduan Negara

26 Julai 2026

KPN.100-9/1/16 (64)

